



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL**

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP  
PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL  
PENJAWAT AWAM TAHUN 2023**

**11 OGOS 2023 (JUMAAT)**

**8.30 MALAM**

**DEWAN SERBAGUNA KG. BALUNG COCOS,  
TAWAU, SABAH**

**Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul bersama pada hari ini bersempena **Majlis Penutup Program Jalinan Integrasi Nasional Penjawat Awam di Negeri Sabah Tahun 2023.**
2. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Ahli Jawatankuasa Komuniti Balung Cocos** serta seluruh penduduk di sini atas kesudian menjadi tuan rumah bagi penganjuran program **Jalinan Integrasi Nasional Penjawat Awam di Negeri Sabah Tahun 2023.**
3. Terima kasih juga kepada para peserta yang terdiri daripada **penjawat awam yang berasal daripada Semenanjung Malaysia, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan dan sedang berkhidmat di Negeri Sabah ini.** Komitmen anda meluangkan masa menghadiri program ini adalah amat dihargai.

## KERJASAMA PENJAWAT AWAM JAYAKAN DASAR PERPADUAN NEGARA

Tuan-tuan dan Puan-Puan

4. Dasar Perpaduan Negara (DPN) adalah dokumen strategi jangka panjang dan usaha berterusan dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
5. Dalam hal ini, **penjawat awam mempunyai tugas paling berat dalam memastikan dasar dan rangka tindakan berjaya** dilaksanakan. Tanggungjawab ini bukan sahaja dipikul warga Kementerian Perpaduan Negara, malah semua warga kementerian lain. Ia berkait usaha dan proses penambahbaikan serta penyampaian sistem tadbir urus berkesan.
6. DPN menggariskan **empat Pemboleh Daya Perpaduan** yang perlu diambil serius warga penjawat awam yang boleh didefinisi sebagai pencetus atau mekanisma pemudah cara kepada perpaduan yang menyumbang kepada kemakmuran rakyat. Ia secara langsung memberi kesan ke arah **perpaduan seperti yang dicita-citakan.**

- **meningkatkan peluang ekonomi** yang saksama. Ini adalah usaha mengimbangi taraf sosioekonomi antara etnik dengan wilayah tanpa mengira kepentingan mana-mana pihak.
- **memperkasa kumpulan minoriti dan rentan ekonomi**, Dalam hal ini, penjawat awam seboleh upaya perlu menjadi 'mata dan telinga' bagi memastikan tiada golongan masyarakat tercicir dalam arus pembangunan.
- membabitkan usaha **menguatkan jaringan perlindungan sosial serta memperkasa inovasi sosial**. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kebajikan dan bantuan sosial harus dilaksanakan secara bersasar supaya lebih berkesan dan mengurangkan ketirisan.
- usaha **merapatkan jurang pembangunan** dan kebolehcapaian antara negeri dan wilayah. Kemakmuran bersama hanya boleh diperolehi dengan usaha melangkaui sempadan geografi.

## **PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL PENJAWAT AWAM DI SABAH BAGI TAHUN 2023**

Tuan-tuan dan Puan-Puan

7. Saya difahamkan bahawa program **Jalinan Integrasi Penjawat Awam ini merupakan program Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Malaysia (JPNIN) sejak tahun 1984.** Dahulunya, program ini dikenali sebagai Program Orientasi Pegawai Persekutuan Yang Baru Bertukar dan Bertugas di Negeri Sabah ataupun di Negeri Sarawak.
8. Kerajaan melalui KPN dan JPNIN amat berharap supaya program-program seperti ini dapat terus memupuk penghayatan perpaduan dikalanganrakyat di setiap peringkat. Seterusnya, diharap melalui program-program sebegini, kita dapat mencapai perpaduan dan keharmonian sebagai sebuah bangsa Malaysia yang bersatu-padu serta saling prihatin antara satu sama lain umpama “***serumpun bagai serai, seliang bagai tebu.***”
9. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada anda semua kerana terpilih untuk berkhidmat dan mencurahkan bakti di Negeri di Bawah Bayu ini. Semoga tuan/puan dapat menimba pengalaman baru, yang mana tidak semua penjawat awam berpeluang menyertainya.

## PENUTUP

10. Usaha ke arah perpaduan memerlukan komitmen semua pihak dan penjawat awam mempunyai peranan besar sebagai ejen membina negara maju, makmur, berintegriti dan bersatu padu serta diiktiraf pada peringkat global. Penjawat Awam harus berada di barisan hadapan, '**Segulai Sejalai**' dalam memperkukuh perpaduan.

11. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan program **Jalinan Integrasi Nasional Penjawat Awam di Negeri Sabah bagi Tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.